

## PENILAIAN SISWA GURU PISMP AMBILAN JUN 2015 TERHADAP BIMBINGAN PENSYARAH PENYELIA SEMASA PRAKTIKUM

*Evaluation of Pre-Service Teachers' from the June 2015 intake  
on Lecturer's Guidance during Practicum*

<sup>1</sup>Nur Diyana Daud, <sup>2</sup>Zahiah Haris@ Harith (PhD), <sup>3</sup>Nor Raihan Mohd Noor &  
<sup>4</sup>Kamaruddin Yahaya

<sup>1234</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

<sup>1</sup>diyanadaud@ipgkik.edu.my

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penilaian siswa guru terhadap pensyarah penyelia terhadap siswa guru semasa praktikum dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas. Kajian ini merupakan Kajian Kaedah Gabungan (*Mixed Method Research*). Pengumpulan data triangulasi digunakan bagi mendapatkan data yang berbeza-beza dari subjek yang sama. Kajian ini melibatkan pengumpulan data secara kuantitatif melalui dokumen kualiti MS ISO 9001:2008, LAM PT 05-12 (Penilaian Terhadap Pensyarah) dan diperkukuhkan dengan data kualitatif iaitu penjelasan melalui set soalan terbuka separa berstruktur. Data kuantitatif melibatkan siswa guruambilan Jun 2015 (n=122). Manakala data kualitatif melalui soalan terbuka melibatkan 33 orang siswa guru dari kumpulan yang sama yang terdiri dari 30 orang perempuan dan 3 orang lelaki. Data dianalisis secara kuantitatif iaitu menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 21 bagi borang penilaian dan data kualitatif dengan menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini memberi fokus kepada dua objektif kajian iaitu analisis penilaian siswa guru PISMPambilan Jun 2015 terhadap pensyarah penyelia serta cadangan penambahbaikan terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum. Dapatan kajian melibatkan 2 konstruk yang terkandung dalam borang penilaian siswa guru terhadap perancangan dan pelaksanaan pensyarah penyelia (LAM PT 05-12). Seterusnya, terdapat 5 tema dalam cadangan penambahbaikan untuk meningkatkan kualiti bimbingan semasa praktikum oleh pensyarah penyelia.

**Kata kunci:** penilaian praktikum dan penyeliaan praktikum

### ABSTRACT

*The purpose of this study was to analyze the evaluation of the Pre-Service Teachers' on lectures' supervision to improve the quality of guidance given to the students during practicum. This study adopts a Mixed Method design. Triangulation of two sources of data was conducted to ensure credibility of data and the findings. This study involved quantitative data collection through quality document MS ISO 9001:2008, LAM PT 05-12 (Assessment Against Lecturer) and was strengthened with qualitative data i.e that is explanations through semi-structured open questionnaires. Quantitative data was obtained from 122 pre-service teachers, while qualitative data was obtained through the open question from 33 pre-service teachers from the same group (3 males and 30 females). Data from the Evaluation Form was analyzed quantitatively using the Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) version 21 and the qualitative data was collected using case study method. This study focuses on the two objectives of the study, which are (i) the assessment of PISMP Pre-Service Teachers from the June 2015 intake on their Lecturer's*

*guidance and (ii) the improvement of the Lecturer's guidance during practicum. The findings involved two constructs found in the lecturers' assessment of students on their planning and implementation (LAM PT 05-12). Subsequently, five themes related to efforts to improve the quality of guidance by lecturers during practicum were found.*

**Keywords:** *practicum assessment and practicum supervision*

## PENGENALAN

Merujuk kepada Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional (2016), Amalan Profesional bagi Program Pendidikan Guru dilaksanakan mengikut tiga komponen utama iaitu Pengalaman Berasaskan Sekolah (PBS), Praktikum dan *Internship*. Pelaksanaan PBS adalah bertujuan memberi kefahaman awal kepada siswa guru tentang alam persekolahan daripada perspektif seorang guru. Tempoh pelaksanaan PBS adalah selama 1 minggu yang melibatkan 3 fasa iaitu PBS 1 pada semester 2, PBS 2 pada semester 3 dan PBS 3 pada semester 4. Markah tugas kursus dibuat semasa PBS dan tidak melibatkan kelayakan menduduki peperiksaan. Manakala pelaksanaan praktikum pula merupakan komponen wajib dan melibatkan kelayakan menduduki peperiksaan. Praktikum yang berlangsung selama 12 minggu melibatkan siswa guru semester 5 dan 7. Ia memberi peluang kepada siswa guru untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan *Internship* bagi siswa guru semester 8 pula merupakan satu program latihan di lapangan yang bertujuan untuk mengaitkan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman sedia ada dengan amalan sebenar tugas guru permulaan. Ia dapat memberi peluang kepada siswa guru untuk meningkatkan keyakinan diri, jati diri, ketahanan diri, membentuk sifat kepimpinan dan memupuk nilai profesionalisme keguruan ke arah melahirkan guru permulaan yang berkesan. Namun di dalam kajian ini, pengkaji hanya akan mengkaji komponen kedua iaitu praktikum (Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional, Praktikum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Januari 2016).

Praktikum ialah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam Program Pendidikan Guru. Praktikum memberi peluang kepada pelajar untuk mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif dalam situasi sebenar bilik darjah dan sekolah. Pelaksanaan program peringkat ini memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran dengan bimbingan pensyarah penyelia dan guru pembimbing melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara agensi-agensi KPM (Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional, Praktikum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Januari 2016).

Praktikum juga menyediakan peluang bagi pelajar mempraktikkan ilmu, kemahiran dan teori dalam pengajaran dan pembelajaran serta menghasilkan teori pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri. Hasil daripada pengalaman, proses refleksi dan penambahbaikan secara berterusan, pelajar akan menggunakan kreativiti bagi menghasilkan ilmu binaan dan inovasi yang menjadi asas kepada pembinaan ilmu profesional perguruan mereka. Melalui program latihan praktik yang sistematik, berasaskan sekolah dan bersifat *developmental*, pelajar dapat membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu professional perguruan untuk menjadi guru permulaan yang berkesan (Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional, Praktikum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan, Januari 2016).

## PERNYATAAN MASALAH

Sejak kebelakangan ini terdapat banyak kajian yang dilakukan terhadap kualiti siswa guru namun hanya sebilangan kecil sahaja perhatian diberikan terhadap kualiti bimbingan pensyarah penyelia. Jemaah Nazir KPM (2009) melalui tinjauan kebangsaan mendapati 69 peratus responden mencadangkan peningkatan kualiti guru menjadi keutamaan kerajaan. Masalah ini dapat diatasi sekiranya jurulatih iaitu pensyarah penyelia dan guru pembimbing dapat membentuk guru pelatih yang kompeten dan berkualiti dengan menguasai aspek pedagogi pengajaran ketika mereka menjalani praktikum (Duke et al. 2006; Hashim & Mohd Daud 2001; Jamaluddin et al. 2006; Syed Ismail 2012). Penilaian terhadap pensyarah amat berkait rapat dengan keberkesanan bimbingan pensyarah penyelia praktikum terhadap siswa guru semasa praktikum. Keberkesanan bimbingan pensyarah amat penting agar dapat melahirkan siswa guru yang lebih kompeten dan berkualiti.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk :

- i. Menyatakan amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam perancangan RPH siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum.
- ii. Menyatakan amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam pelaksanaan RPH siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum.
- iii. Mengkaji cadangan untuk meningkatkan kualiti bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum.

## SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui:

- i. Apakah amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam perancangan Rancangan Pengajaran Harian siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum?
- ii. Apakah amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam pelaksanaan Rancangan Pengajaran Harian siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum?
- iii. Apakah cadangan untuk meningkatkan kualiti amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum?

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah menggunakan kaedah *mixed method research* sebagai kaedah kajian, iaitu dengan menggunakan kaedah pengumpulan data secara kuantitatif sebagai rujukan utama dan data kualitatif sebagai data tambahan. Ia juga turut dikenali sebagai triangulasi. Triangulasi ini adalah pendekatan yang berkesan untuk memantau dan menilai data. Triangulasi antara data dan merentasi kaedah pengumpulan data secara kuantitatif, kualitatif serta bertujuan untuk memastikan pengesahan data melalui pengesahan silang dari lebih daripada dua sumber data melalui sampel yang sama (Todd et. al. 1979).

*Mixed Method Research* ini adalah merupakan satu kaedah pengumpulan data triangulasi yang digunakan bagi mendapatkan data yang berbeza-beza dari subjek yang sama. Kaedah triangulasi iaitu penggunaan pelbagai kaedah dan sumber data untuk mengkaji fenomena yang sama. Triangulasi membolehkan seseorang mengenal pasti aspek fenomena dengan lebih tepat dengan mendekatinya dari sudut pandangan yang berbeza menggunakan kaedah dan teknik yang berbeza. Menurut Creswell et. at.

(2008), *Mixed Methods Research* ialah satu reka bentuk penelitian untuk memberi tunjuk arah atau memberi petunjuk tentang cara pengumpulan dan menganalisis data. Ia juga memberi pendekatan kuantitatif dan kualitatif melalui beberapa fasa penelitian. Ia berfokus kepada cara pengumpulan dan analisis data serta integrasi data kuantitatif dan data kualitatif sama ada dalam penelitian tunggal ataupun penelitian berterusan. Manakala menurut Nana Syaodih Sukmadinata (2009), menyatakan bahawa penelitian kuantitatif menggunakan instrumen-instrumen formal, standard dan bersifat mengukur. Sementara penelitian kualitatif pula menggunakan peneliti sebagai instrumen.

Data kuantitatif digunakan untuk menganalisis untuk menjawab persoalan kajian 1 dan 2. Persoalan kajian 1 iaitu amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam perancangan RPH siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum. Persoalan kajian 2 ialah amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam pelaksanaan RPH siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum.

Manakala data kualitatif adalah untuk menjawab persoalan kajian 3 iaitu cadangan untuk meningkatkan kualiti amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum. Data kualitatif terdiri daripada maklumat terbuka yang dikumpul oleh pengkaji melalui set soalan terbuka separa berstruktur.

**Sampel Kajian**

Persampelan kajian ini ialah sampel bertujuan (*purposive sampling*) yang melibatkan siswa guru PISMPambilan Jun 2015 (n=122) bagi data kuantitatif. Sampel ini telah dipilih berdasarkan tujuan kajian ini dijalankan kerana hanya siswa guruambilan Jun 2015 yang menjalani praktikum pada semester 2 tahun 2017. Taburan responden mengikut jantina, kaum dan pengkhususan boleh dirujuk dalam Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4. Manakala bagi data kualitatif, hanya 33 orang siswa guru dari kumpulan yang sama telah memberi maklum balas terhadap soalan terbuka separa berstruktur bagi cadangan untuk meningkatkan kualiti amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum.

Jadual 1

*Taburan responden mengikut jantina*

	<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki		31	26
perempuan		91	74
<b>Jumlah</b>		<b>122</b>	<b>100</b>

Jadual 2

*Taburan responden mengikut kaum*

	<b>Kaum</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Melayu		85	70
Cina		19	15
India		6	5
Bumiputera Sabah Sarawak dan lain-lain		12	10
<b>Jumlah</b>		<b>122</b>	<b>100</b>

Jadual 3

*Taburan responden mengikut pengkhususan*

<b>Kumpulan</b>	<b>Pengkhususan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
6.1	Pendidikan Masalah Pendengaran	15	12
6.2	Pendidikan Masalah Pendengaran	14	11
6.3	Pendidikan Masalah Penglihatan	16	13
6.4	Pendidikan Muzik	13	11
6.5	Pendidikan Muzik	12	10
6.6	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	14	11
6.7	Pendidikan Jasmani & Kesihatan	15	12
6.8	Pendidikan Pengkhususan Bahasa Inggeris	11	9
6.9	Pendidikan Pengkhususan Bahasa Inggeris	12	10
<b>Jumlah</b>		<b>122</b>	<b>100</b>

Persampelan kajian bagi data kualitatif ialah yang melibatkan seramai 33 orang siswa guru dari kumpulan yang sama berdasarkan Jadual 4. Data kualitatif melibatkan soalan terbuka separa berstruktur yang telah diedarkan kepada semua responden seramai 122 orang namun hanya 33 orang sahaja yang memberi maklum balas cadangan bagi meningkatkan kualiti bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum.

Jadual 4

*Taburan responden data kualitatif*

	<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki		3	9
Perempuan		30	91
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>	<b>100</b>

***Instrumen pengumpulan data***

Instrumen kuantitatif kajian ini melibatkan satu set soal selidik yang telah dikeluarkan dari dokumen kualiti MS ISO 9001:2008, LAM PT 05-12 (Penilaian Terhadap Pensyarah) yang terdiri dari lima konstruk. Konstruk 1 adalah berkenaan Perancangan yang mengandungi 6 item. Konstruk 2 ialah aktiviti Pelaksanaanyang mengandungi 9 item. Konstruk 3 pula ialah berkenaan Amalan Refleksi yang mengandungi 3 item. Konstruk 4 pula mengenai Sikap dan Sahsia yang mengandungi 4 item. Manakala Konstruk 5 merupakan konstruk terakhir berkenaan Refleksi Bimbingan Praktikum yang mengandungi 3 item. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya mengkaji 2 daripada 5 konstruk tersebut iaitu Konstruk 1 (Perancangan) dan Konstruk 2 (Pelaksanaan).

Instrumen kuantitatif digunakan untuk menjawab persoalan kajian 1 dan 2. Persoalan kajian 1 ialah amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam perancangan RPH siswa guru ambilan Jun 2015 semasa praktikum. Manakala persoalan kajian 2 ialah amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam pelaksanaan RPH siswa guru ambilan Jun 2015 semasa praktikum.

Instrumen kualitatif menggunakan satu set soalan terbuka separa berstruktur yang berasaskan kepada objektif kajian 3 bagi mendapatkan cadangan untuk meningkatkan kualiti amalan bimbingan

pensyarah penyelia semasa praktikum. Pernyataan yang diberikan oleh 33 orang responden tersebut dikumpul untuk dianalisis secara manual.

**Analisis data**

**Data Kuantitatif**

Data dianalisis menggunakan perisian program SPSS versi 21. Data yang diperolehi daripada jawapan soal selidik responden akan dimasukkan dalam perisian tersebut. Seterusnya penyelidik membuat analisis deskriptif menggunakan kekerapan, peratus dan min bagi setiap item yang dikaji. Pengelasan min untuk tafsiran pembolehubah adalah seperti Jadual 5 berikut :

Jadual 5

*Jadual Penentuan Min*

Bil	Min	Tahap
1	4.00 hingga 5.00	Sangat tinggi
2	3.00 hingga 3.99	Tinggi
3	2.00 hingga 2.99	Rendah
4	1.00 hingga 1.99	Sangat rendah

Sumber : Robert Ho (2006)

Data daripada soalan terbuka dianalisis secara manual berdasarkan 33 responden iaitu dengan menentukan beberapa tema yang berkaitan dengan persoalan kajian untuk mendapatkan cadangan bagi meningkatkan kualiti amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum.

**DAPATAN KAJIAN**

**Dapatan Kuantitatif**

Dapatan kuantitatif dilaporkan berdasarkan objektif kajian 1 dan 2. Dapatan kajian berdasarkan objektif yang pertama ialah penilaian siswa guru terhadap amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam perancangan RPH siswa guruambilan Jun 2015 semasa praktikum. Item perancangan dalam penilaian siswa guru terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum adalah berdasarkan Jadual 6.

Jadual 6

*Konstruk 1- Perancangan dalam Penilaian Siswa Guru Terhadap Bimbingan Pensyarah Penyelia Semasa Praktikum*

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Menulis hasil pembelajaran dengan tepat	4.55	0.53	Sangat tinggi
Menulis isi pembelajaran yang sesuai dengan hasil pembelajaran	4.52	0.51	Sangat tinggi

Merancang kaedah dan strategi PdP yang sesuai	4.51	0.52	Sangat tinggi
Memilih sumber PdP yang sesuai dan menarik	4.45	0.56	Sangat tinggi
Memilih nilai-nilai murni yang sesuai	4.55	0.57	Sangat tinggi
Menyenaraikan unsur-unsur yang sesuai	4.45	0.58	Sangat tinggi

Daripada Jadual 6, penilaian siswa guru terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum dalam Konstruk 1 adalah sangat tinggi. Terdapat 2 item dalam Konstruk 1 telah mencatatkan min yang paling tinggi iaitu Menulis hasil pembelajaran dengan tepat ( $M=4.55;SP=0.53$ ) dan Memilih nilai-nilai murni yang sesuai ( $M=4.55;SP=0.53$ ). Manakala 2 item telah mencatatkan min paling rendah iaitu Memilih sumber PdP yang sesuai dan menarik ( $M=4.45;SP=0.56$ ) dan Menyenaraikan unsur-unsur yang sesuai ( $M=4.45;SP=0.58$ ).

Dapatan kajian berdasarkan objektif yang kedua pula ialah penilaian siswa guru terhadap amalan bimbingan pensyarah penyelia yang paling dominan dalam Konstruk 2 iaitu pelaksanaan PdP siswa guru ambilan Jun 2015 semasa praktikum. Penilaian siswa guru terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa pelaksanaan dalam praktikum mengikut item seperti dalam Jadual 7.

Jadual 7

*Konstruk 2- Pelaksanaan dalam Penilaian Siswa Guru Terhadap Bimbingan Pensyarah Penyelia Semasa Praktikum*

Penyataan	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Melaksanakan set induksi	4.67	0.47	Sangat tinggi
Menjelaskan perkembangan pengajaran mengikut urutan/ langkah	4.57	0.55	Sangat tinggi
Melaksanakan kaedah pengajaran yang berkesan	4.50	0.54	Sangat tinggi
Menguasai teknik penyooalan	4.38	0.60	Sangat tinggi
Mengendalikan aktiviti pengayaan dan pemulihan	4.35	0.57	Sangat tinggi
Menguruskan bilik darjah yang kondusif	4.48	0.56	Sangat tinggi
Menerapkan nilai-nilai murni di bilik darjah	4.58	0.51	Sangat tinggi
Mengurus masa pembelajaran dengan berkesan	4.36	0.57	Sangat tinggi
Membuat penilaian di akhir PdP	4.52	0.52	Sangat tinggi

Jadual 7 menunjukkan penilaian siswa guru terhadap bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum dalam Konstruk 2 sangat tinggi. Terdapat 1 item pelaksanaan yang mencatatkan min yang paling

tinggi iaitu Melaksanakan set induksi (M=4.67;SP=0.47). Manakala item mengendalikan aktiviti pengayaan dan pemulihan mencatatkan min paling rendah iaitu (M=4.35;SP=0.57).

### **Dapatan Kualitatif**

Data kualitatif dikumpul secara manual melalui satu set protokol soalan terbuka separa berstruktur iaitu cadangan supaya kualiti bimbingan Pensyarah penyelia dapat ditingkatkan semasa praktikum. Soalan terbuka separa berstruktur ini melibatkan 33 orang responden yang memberi maklum balas. Berdasarkan jawapan yang telah diberikan oleh responden, pengkaji mendapati terdapat 5 tema bagi data kualitatif menggunakan kaedah pengumpulan secara soalan terbuka iaitu :

#### ***Bimbingan secara berkala.***

Tema pertama ialah pensyarah penyelia perlu mewujudkan jadual bimbingan berkala dan memaklumkan kepada siswa guru sebelum seliaan dilaksanakan. Hal ini dilihat melalui pernyataan “..menetapkan jadual bimbingan dengan pensyarah secara berkala.” (SK2) Manakala pernyataan yang lain pula ialah “..datang secara bermaklum dan berjadual.” (SK23) Terdapat juga responden yang memberi kenyataan bahawa “..sentiasa memaklumkan kepada pelajar sekiranya ingin datang untuk observation. Sebaik-baiknya sehari sebelum.” (SK5) Kenyataan ini disokong juga oleh dua kenyataan lain iaitu “..bimbingan secara berperingkat.” (SK7) dan “..kekerapan perjumpaan dan perbincangan.” (SK8)

#### ***Mengambil berat tentang kebajikan siswa guru sepanjang tempoh seliaan.***

Tema kedua pula ialah siswa guru hendak pensyarah penyelia sentiasa mengambil berat tentang mereka. Hal ini disokong oleh pernyataan “..banyak bertanya khabar guru pelatih.” (SK3) Kenyataan berikut turut disokong oleh pernyataan “..sentiasa bertanyakan masalah yang dihadapi oleh siswa guru.” (SK13) Malah pernyataan ini disokong oleh SK28 iaitu “..Sentiasa tahu perkembangan pelajar.” dan “..Pensyarah penyelia sering update dengan siswa guru semasa Praktikum.” (SK30)

#### ***Bimbingan dan maklum balas yang terperinci semasa penyeliaan dilaksanakan.***

Tema ketiga adalah bimbingan dan maklum balas tentang pelaksanaan PdP dilaksanakan secara spontan dan terperinci. Tema ini disokong melalui kenyataan “..menunjukkan cara-cara mengajar berasaskan maklumat mengenai kelas tersebut.” (SK9) Hal ini disokong oleh kenyataan “..pensyarah boleh memberikan bimbingan mengenai cara menulis RPH yang lebih baik dan lebih efektif semasa dilaksanakan di dalam bilik darjah.” (SK32) Malah, ia telah disokong oleh pernyataan dari SK12 “..bersama-sama memberikan bimbingan sebelum menjalani praktikum secara lebih terperinci.” dan “..pensyarah memberikan maklum balas untuk keseluruhan PdP siswa guru selepas tamat kelas yang dipantau...” (SK24)

#### ***Mengehadkan bilangan siswa guru yang perlu dibimbing oleh setiap pensyarah penyelia.***

Tema yang seterusnya adalah menghadkan bilangan siswa guru bagi setiap pensyarah penyelia. Ia berdasarkan pernyataan “..kurangkan bilangan siswa guru di bawah penyeliaan seseorang pensyarah.” (SK19) dan “..hadkan bilangan siswa guru yang dibimbing oleh seorang pensyarah supaya bimbingan lebih berkualiti..” (SK32)

#### ***Memberi bimbingan secara atas talian.***

Tema yang terakhir adalah pensyarah penyelia memberi bimbingan secara atas talian. Hal ini boleh dilihat melalui pernyataan “..pensyarah boleh memberi bimbingan melalui emel.” (SK21) Malah kenyataan ini

disokong oleh kenyataan dari SK17 “..media elektronik juga boleh menjadi medium untuk pensyarah memberi bimbingan.

### RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Perancangan amat penting dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Perancangan merupakan rangka kerja aktiviti PdP untuk dilaksanakan oleh siswa guru di dalam bilik darjah atau makmal, dalam satu jangka waktu yang telah ditetapkan. Sehubungan itu, perancangan PdP amatlah penting supaya siswa guru dapat membuat keputusan mengenai keperluan, matlamat dan objektif (yang perlu dicapai dan dikuasai murid) serta motivasi dan strategi pengajaran yang sesuai bagi mencapai objektif. Dapatan ini juga disokong oleh Zamri (2002) yang menyatakan bahawa pengetahuan yang diperlukan oleh seorang guru ialah pengetahuan dan belajar untuk mengajar berkaitan pengetahuan kandungan, pengetahuan kandungan pedagogi, pengetahuan pedagogi dan pengetahuan pelajar serta pembelajaran. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa perancangan dan pelaksanaan praktikum amat penting dalam melahirkan siswa guru yang berkualiti. Melalui TS25 adalah diharapkan sekolah yang terlibat berupaya mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam PdP selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Sejajar dengan objektif TS25 dalam mengaplikasi konsep dan amalan PDPC, guru perlu membuat perancangan terbaik bagi menghasilkan kesan yang optimum kepada murid selari dengan perancangan yang berstruktur dan akhirnya menghasilkan impak yang komprehensif.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, pensyarah penyelia perlu mengamalkan sikap terbuka dan sentiasa berinteraksi melalui perjumpaan bersemuka atau secara atas talian dalam membimbing siswa guru semasa praktikum, ini selari dengan Falsafah Pendidikan Negara dalam konteks memperkembangkan potensi individu dimana bakat dan kebolehan yang dimiliki semenjak ianya dilahirkan dan bakat ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi, jasmani dan sosial yang merupakan anugerah tuhan dan bakat ini perlu dicungkil, diperkembangkan dipertingkatkan dan digilap secara berterusan melalui sesi klinikal bimbingan pensyarah penyelia yang bersifat terbuka dan sentiasa memberi interaksi yang positif melalui perjumpaan bersemuka atau atas talian dalam membimbing siswa guru semasa tempoh praktikum. Malah, sokongan dan galakan yang baik dan positif dapat meningkatkan motivasi dan komitmen pensyarah juga dapat menyumbang kepada peningkatan dalam pencapaian siswa guru (Glickman et al. 2004). Pensyarah penyelia juga disarankan agar memberi bimbingan dan maklum balas secara terperinci demi meningkatkan kefahaman untuk membuat perancangan dan melaksanakan PdP yang berkesan. Malah, amalan bimbingan pensyarah penyelia semasa praktikum juga dapat membimbing siswa guru menghasilkan perancangan PdP yang baik serta dapat melaksanakan PdP dengan berkesan. Pemahaman serta pengetahuan siswa guru secara *'hands-on'* dapat memperkukuhkan ilmu konten yang telah dipelajari semasa kuliah. Penggunaan medium elektronik dan atas talian juga adalah disarankan bagi menyokong hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 melahirkan modal insan kelas pertama. Ia adalah bertepatan dengan tema kajian yang kelima iaitu pensyarah penyelia boleh memberi bimbingan secara atas talian.

Secara keseluruhan, perbincangan dalam konteks bimbingan pensyarah terhadap siswa gurubagi menghasilkan bakal guru yang kompeten dalam profesion perguruan. Justeru bimbingan yang berterusan dengan memberikan maklumat terkini sepertimana yang terkandung dalam agenda dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan TS25 hendaklah disampaikan agar ia menjadi kelaziman kepada guru dalam membuat perancangan dan pelaksanaan PdP.

## RUJUKAN

- Creswell, John W. and Clark Vicki. (4<sup>th</sup> Ed.). *Qualitative inquiry and research design (international student edition), choosing among five approaches*. SAGE Publications.
- Duke, I., Karson, A. & Wheeler, J. 2006. Do mentoring and induction program have greater benefits for teachers who lack preservice training?. *Jurnal of Public & International Affairs-Princeton* 17: 61-82.
- Glickman, C. D., Gordon, S. P., Ross-Gordon, J. (2004) *Supervision and instructional leadership: a development approach* (6th ed.). Boston: Pearson.
- Hashim Othman, & Mohd Daud Hamzah. 2001. *Latihan mengajar kendalian sekolah: penerokaan komponen-konponen kecekapan mengajar guru pelatih prasiswazah*. Kertas kerja dibentangkan dalam Conference on Challenges and Prospects in Teacher Education, Concorde Hotel, Shah Alam. 16-17 Julai 2001.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Januari (2016). *Garis Panduan Pelaksanaan Amalan Profesional: Praktikum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan*, Malaysia.
- Jamaluddin Ramli, Ahmad Johari Sihes, Abd Rahim Hamdan & Munainah Ismail. (2006). *Bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam latihan mengajar*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). 2009. *Standard kualiti pendidikan Malaysia*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Nana Syaodih Sukmadinata. (2009). *Metode penelitian pendidikan*. Yogyakarta, Indonesia: UNY Press.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025)
- Robert Ho. (2006). *Handbook of univariate and multivariate data analysis and interpretation with SPSS*. Taylor & Francis.
- Sharon Andrew, Elizabeth J. Halcomb. (2007). *Mixed methods research for nursing and the health sciences*. Iowa, USA: Blackwell Publishing Ltd.
- Syed Ismail. 2012. *Amalan Bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih*. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 38.
- Todd D. Jick. 1979. *Mixing qualitative and quantitative methods: Triangulation in action*. [Administrative Science Quarterly](#), Vol. 24, No. 4, pp. 602-611.
- Zamri Mahamod & Jamaludin Badusah. (2002). *Penyebatan kemahiran berfikir dalam pengajaran guru Bahasa Melayu*. *Proceeding of The International Conference on Teaching and Learning*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.